

BEBAN TUGAS GURU MEMPENGARUHI PENGGUNAAN SUMBER  
TEKNOLOGI PENDIDIKAN DI EMPAT BUAH SEKOLAH MENENGAH TEKNIK  
DAN VOKASIONAL DI JOHOR.

SITI HAJAR BINTI ZAKARIAH



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI, 2013

## ABSTRAK

Kajian ini mengkaji beban tugas guru mempengaruhi penggunaan sumber teknologi pendidikan di empat buah sekolah menengah teknik dan vokasional di Johor. Seterusnya, kajian ini mengenal pasti halangan yang dihadapi oleh guru disamping tahap penggunaan guru kepada sumber teknologi pendidikan dalam pengajaran serta hubungan antara dua pembolehubah tersebut. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan deskriptif yang melibatkan 165 orang guru dari empat buah Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di Johor Bahru iaitu Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik (Perdagangan) Johor Bahru, Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Puteri, Johor Bahru dan Sekolah Menengah Teknik (ERT) Azizah, Johor Bahru dengan menggunakan instrumen soal selidik. Penyelidik menjangkakan bahawa terdapat hubungan antara beban tugas dengan penggunaan sumber teknologi pendidikan. Penyelidik menggunakan perisian SPSS versi 16.0 untuk mengukur beban tugas guru, halangan penggunaan sumber teknologi pendidikan dan hubungan beban tugas dengan penggunaan sumber teknologi pendidikan. Kajian rintis telah dijalankan di Sekolah Menengah Vokasional Batu Pahat, Johor kepada 30 orang guru dengan nilai kebolehpercayaan soal selidik iaitu  $\alpha$  0.876. Kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas dan penggunaan sumber teknologi pendidikan. Kajian lanjutan perlu dilakukan bagi mendapatkan data yang menyeluruh mencadangkan agar pihak berwajib boleh mengambil tindakan

Kata kunci: *Beban tugas akademik, Beban tugas bukan akademik, Penggunaan sumber teknologi pendidikan*

## ABSTRACT

The purpose of this research is to study the use of technology in education at four secondary technical and vocational school in Johor. Further, this study will identify the obstacles faced by teachers during use this sources of technology in education, level of usage of these technologies in education and learning as well as the relationship between both. The framework of this study is descriptive study where 165 teachers involved to answer the questionnaire which are from Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di Johor Bahru iaitu Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik (Perdagangan) Johor Bahru, Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Puteri, Johor Bahru dan Sekolah Menengah Teknik (ERT) Azizah, Johor Bahru. The researcher aspect that there is a relationship between teacher's workload and usage of technology education. The SPSS Statistical Packages For Social Science version 16.0 were used by the researcher to measure the teacher's workload, the obstacles of using technology education and relationship between technology education used and workload. The pilot study was carried out at Sekolah Menengah Vokasional Batu Pahat, Johor that involved 30 teachers and the value of realibility (Alpha Cronbach) is  $\alpha = 0.876$ . Overall, the study finds out there is a significant relation between teacher's workload and usage of technology education. A few recommendations have been made in this study to the relevant authorities on this problem and the study should carried out throughout the country to get more précised outcome.

Keywords: Academic Workload, Non Academic Workload, Use of Technology Education

## KANDUNGAN

	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	<b>i</b>
	<b>TAJUK</b>	<b>ii</b>
	<b>PERAKUAN</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Hipotesis Kajian	6
	1.7 Kepentingan Kajian	7
	1.8 Skop Kajian	8
	1.9 Batasan Kajian	8
	1.10 Definisi Operasional	9



1.11	Kerangka Konsep Kajian	12
1.12	Kerangka Teori Kajian	13
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	14
2.1	Pengenalan	14
2.2	Beban Tugas Guru	14
2.3	Penggunaan Sumber Teknologi Pendidikan	20
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	29
3.1	Pengenalan	29
3.2	Rekabentuk Kajian	30
3.3	Kerangka Operasi Kajian	31
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	33
3.5	Lokasi kajian	33
3.6	Instrumen Kajian	34
3.7	Kajian Rintis	35
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	37
3.9	Kaedah Analisis Data	38
3.10	Jangkaan dapatan kajian	39
3.11	Rumusan	39
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	41
4.1	Pengenalan	41
4.2	Analisis data demografi responden	42
4.2.1	Responden Kajian	43
4.2.2	Umur responden	44
4.2.3	Bangsa Responden	45
4.2.4	Gred Jawatan	45
4.2.5	Kelulusan Akademik Tertinggi	46
4.2.6	Kelayakan Perguruan/Pendidikan	47
4.2.7	Pengalaman Mengajar	48
4.2.8	Bilangan Opsyen Matapelajaran	49
4.2.9	Jumlah waktu mengajar seminggu	50
4.2.10	Bilangan Matapelajaran yang diajar	51



4.2.11	Jawatan Pentadbiran	52
4.3	Beban tugas	53
4.3.1	Beban tugas berbentuk akademik	53
4.3.2	Beban tugas berbentuk bukan akademik	58
4.4	Halangan dalam penggunaan sumber teknologi pendidikan	62
4.5	Penggunaan sumber teknologi pendidikan	64
4.6	Hubungan beban tugas dengan penggunaan sumber teknologi pendidikan	65
4.7	Kesimpulan	66
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	67
5.1	Pengenalan	67
5.2	Demografi responden	68
5.3	Beban tugas guru	69
5.4	Halangan penggunaan sumber teknologi pendidikan	72
5.5	Penggunaan sumber teknologi pendidikan	73
5.6	Hubungan beban tugas guru dengan penggunaan sumber teknologi pendidikan	75
5.7	Kesimpulan	76
5.8	Cadangan kajian	77
	<b>RUJUKAN</b>	79
	<b>LAMPIRAN</b>	86



PTTA UTHM  
BERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI JADUAL**

3.1	Taburan Skala Likert	35
3.2	Interpretasi Skor Keesahan Ujian <i>Alpha-Cronbach</i>	36
3.3	Kaedah inferensi dalam analisis data	38
4.1	Jadual interpretasi skor min	42
4.2	Taburan responden mengikut jantina kajian	43
4.3	Taburan responden mengikut umur	44
4.4	Taburan bilangan kaum responden	45
4.5	Taburan responden mengikut gred jawatan	46
4.6	Taburan kelayakan tertinggi responden	47
4.7	Taburan kelayakan perguruan/pendidikan	47
4.8	Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	48
4.9	Taburan bilangan opsyen matapelajaran	49
4.10	Taburan jumlah mengajar seminggu	50
4.11	Taburan bilangan matapelajaran yang diajar	51
4.12	Taburan jawatan pentadbiran	52
4.13	Skor min bagi beban akademik	54
4.14	Taburan bagi beban tugas akademik rutin	55
4.15	Skor min bagi beban akademik bermusim	56
4.16	Skor min bagi tugas bukan akademik	59
4.17	Skor min bagi tugas bukan akademik rutin	60



4.18	Skor min bagi tugas bukan akademik bermusim	61
4.19	Skor min bagi halangan dalam penggunaan sumber teknologi pendidikan	63
4.20	Taburan skor min penggunaan sumber teknologi pendidikan	64
4.21	Nilai Skewnes dan Kurtosis dan nilai signifikan Kolmogorov-Smirnov dan signifikan Shapiro-Wilk bagi data terkumpul	65
4.22	Hubungan antara beban tugas dengan penggunaan sumber teknologi pendidikan	66



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka konsep kajian	12
1.2	Kerangka teori kajian	13
3.1	Kerangka operasi kajian	32
4.1	Taburan responden mengikut jantina kajian	43
4.2	Taburan responden mengikut umur	44
4.3	Nilai min bagi taburan beban tugas akademik	57
4.4	Nilai min bagi taburan beban tugas bukan akademik	62



PTT AUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

A	Jadual Penentu Saiz Sampel Kreijie dan Morgan (1970)	86
B	Borang Soal Selidik	88
C	Borang Semakan Soal Selidik	99
D	Ujian Kebolehpercayaan	105
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	114
F	Analisis Dapatan	115



PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Pada zaman era globalisasi ini, perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah berkembang dengan pesat sekali. Sejalan dengan perkembangan dalam bidang pendidikan yang menuntut perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kerajaan telah memperuntukkan pelbagai kemudahan untuk kemajuan teknologi pendidikan melalui peruntukan daripada Bank Dunia kepada sekolah seperti peti televisyen, perakam video dan OHP (*overhead projector*) yang menelan jutaan ringgit (Ahmad dan Tamuri, 2010). Menurut Md Yunos, Yamin, Muhammad, Esa, Yasak dan Mohammad Yusof (2004), menerusi Rancangan Malaysia ke-9 juga kerajaan telah memperuntukkan sejumlah 2.3 billion bagi meningkatkan kemudahan serta kelengkapan ICT di semua sekolah seluruh negara. Setakat ini kira-kira 97 peratus sekolah telah mempunyai kelengkapan berkenaan (Utusan Malaysia, 29 Ogos 2006). Kementerian Pelajaran Malaysia telah membekalkan kira-kira 97,000 unit laptop dan 70,000 unit LCD projektor ke seluruh sekolah di Malaysia. Menurut Sidin dan Mohamad (2007), perkembangan terkini menyaksikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) menjadi



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

alat pemangkin utama menyebarkan dan menyimpan maklumat dan seterusnya membantu pelajar membina pengetahuan baru.

Malaysia menitikberatkan penggunaan ICT dalam pendidikan seperti yang dinyatakan dalam dasar dan pembangunan negara. Menurut Sidin dan Mohamad (2007) Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan program Sekolah Bestari pada awal tahun 1999 yang bertujuan untuk melakukan perubahan sistematik terhadap budaya sekolah dengan menggunakan teknologi sebagai alat pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran. Di dalam rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) juga ada menyatakan bahawa perlunya ada rancangan untuk murid-murid menggunakan pelbagai alat dan bahan melalui pelbagai teknik bagi menghasilkan sesuatu pengalaman yang menjadikan murid-murid celik teknologi dan beri pengalaman mengendalikan pelbagai alat tangan dan bahan. Secara tidak langsung ini akan menimbulkan kesedaran murid-murid agar peka terhadap perkembangan dan perubahan teknologi dengan harapan untuk melahirkan masyarakat yang cenderung dengan perkembangan baru berasaskan kepada sains dan teknologi.

Walaupun bagaimanapun, usaha penggunaan teknologi dalam pendidikan mesti dijalankan secara berterusan dan optimum. Ini kerana guru merupakan penggerak utama dalam merealisasikan usaha ini. Tanpa guru, kejayaan penggunaan sumber teknologi dalam pendidikan adalah mustahil. Namun begitu, beban tugas seorang guru pada masa kini amat berat sehingga menyebabkan guru tidak cukup masa untuk mengaplikasikan sumber teknologi maklumat dan komunikasi sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru turut dibebani dengan tugas lain selain tugas hakiki iaitu mengajar seperti menguruskan aktiviti kokurikulum, bilik darjah, hal ehwal murid, pentadbiran dan perkeranian serta kerja tambahan lain yang perlu dibuat mengikut keperluan semasa seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (Utusan, 31 Mac 2010).



## 1.2 Latar belakang masalah

Peredaran masa membawa perubahan dan cabaran terhadap profession keguruan termasuk pengubahsuaian fungsi dan peranan guru. Peranan guru sebagai sumber utama pengetahuan kepada pelajar telah bertukar kepada guru sebagai pemudahcara dalam proses pengajaran dan pembelajaran, agen perubahan dan sumber maklumat kepada pelajar. Guru harus kreatif dan inovatif untuk menjadikan sistem teknologi pengajaran menjadi lebih efektif, menarik dan menyeronokkan dengan penggunaannya akan menambah kualiti penyampaian guru menurut Ahmad dan Tamuri (2010).

Dalam meningkatkan pencapaian pendidikan berkualiti, penggunaan sumber Teknologi Pendidikan tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran guru dalam bilik darjah. Namun, kegagalan guru untuk melakukan perubahan melalui kaedah dan teknik dalam teknologi pengajaran merupakan cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani segera. Beban tugas guru merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kegagalan guru untuk menggunakan sumber Teknologi Pendidikan. Hal ini dipersetujui oleh Daud (2000) yang menyatakan dalam kajian beliau kebanyakan guru dibebani oleh tugas yang tidak berbentuk akademik atau mengajar terlalu banyak subjek yang berbeza sehingga mempengaruhi sikap, kemahiran dan komitmen guru terhadap penggunaan alat teknologi pendidikan.

Selain itu, antara faktor lain yang menjadi tambahan kepada beban tugas guru adalah pengagihan tugas yang tidak seimbang antara guru-guru dalam setahun, sikap pentadbir yang suka pilih kasih dan bersikap tidak adil terhadap guru-guru tertentu, tugas sampingan yang dibebankan dibahu guru-guru oleh pihak atasan dan tugas sampingan yang diberikan secara mendadak kepada guru (Sahhari, 2006).

Sahhari (2006) pula menggariskan faktor yang berlakunya beban tugas guru ialah pengagihan tugas yang tidak seimbang antara guru-guru dalam setahun, sikap pentadbir yang suka pilih kasih dan bersikap tidak adil terhadap guru-guru tertentu, tugas sampingan yang dibebankan di bahu guru-guru oleh pihak atasan dan tugas sampingan yang diberikan secara mendadak kepada guru.



### 1.3 Penyataan Masalah

Pembangunan negara yang pesat dengan pelbagai perubahan yang berlaku dalam masyarakat dalam persiapan menuju ke arah abad ke-21 tidak akan meringankan beban tugas guru di semua peringkat sama ada di peringkat prasekolah hinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi. Tugas seorang guru semakin hari menjadi semakin mencabar. Negara memandang bidang pendidikan merupakan amalan terhadap agenda terpenting negara dan sentiasa mendapat perhatian utama dan peruntukan besar dengan pemerintah. Ini kerana melalui pendidikan, rakyat dapat memajukan diri mereka dan menjamin masa depan mereka, keluarga serta masyarakat.

Perkembangan arus dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pula menjadi agenda utama supaya dapat membawa perubahan dalam bidang pendidikan. Kerajaan sangat kompeten dengan hasrat untuk mempelbagaikan dan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Walaubagaimanapun, terdapat rungutan daripada pihak guru di mana mereka merasa terbeban dengan tugas-tugas yang tidak sepatutnya disandang oleh guru. Kerja-kerja perkeranian terpaksa dilakukan oleh guru selain daripada menyediakan bahan pengajaran dan mengajar di dalam kelas. Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan dengan menyediakan sumber Teknologi Pendidikan di sekolah untuk membantu proses pengajaran disamping menjayakan misi kerajaan seterusnya. Peruntukan yang banyak telah diberikan kepada bidang pendidikan dalam Rancangan Malaysia ke-9 khusus untuk meningkatkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pendidikan (Yunos, Yamin, Muhammad, Esa dan Yasak, 2004).

Selain daripada itu, seperti yang dinyatakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010), ada menyatakan kepentingan pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi kerana pada abad ke-21 ini, negara menghadapi cabaran baru kesan daripada globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Maka, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

menyediakan program pembangunan pendidikan yang dapat melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, celik ICT, berkemahiran dan berakhlak mulia.

Namun begitu, dalam kalangan guru banyak menceritakan mengenai bebanan tugas di sekolah semakin meningkat malahan memberi tekanan kepada mereka kerana mereka terpaksa mengajar murid di dalam kelas disamping membuat kerja-kerja sampingan yang bukan akademik. Perkara ini mengakibatkan penglibatan guru-guru ke atas penggunaan Teknologi Pendidikan dalam pengajaran adalah rendah.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dibuat untuk mengetahui sejauh mana beban tugas seorang guru itu mempengaruhi kekerapan penggunaan Teknologi Pendidikan dalam proses pengajaran guru yang seterusnya memberi impak kepada tahap pencapaian pelajar di dalam kelas supaya dapatan kajian dapat digunakan bagi membantu Kementerian Pelajaran Malaysia atau badan-badan yang berkaitan untuk mengambil langkah supaya masalah ini dapat diselesaikan. Kajian ini diharap dapat memberi gambaran sebenar tentang alam pekerjaan yang dihadapi oleh guru dan semoga usaha ini dapat membantu guru mencapai kesejahteraan hidup serta meningkatkan pencapaian pelajar dalam pendidikan.

#### 1.4 Objektif kajian

- 1) Menenalpasti sejauh mana beban tugas guru di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di Johor mempengaruhi pengajaran.
- 2) Menenalpasti halangan-halangan yang dihadapi oleh guru untuk penggunaan sumber Teknologi Pendidikan dalam pengajaran.
- 3) Menenalpasti penggunaan sumber Teknologi Pendidikan yang guru gunakan dalam proses pengajaran.
- 4) Mengkaji hubungan antara beban tugas guru dan penggunaan sumber Teknologi Pendidikan dalam pengajaran.

### 1.5 Persoalan Kajian

- 1) Apakah beban tugas yang berbentuk akademik dan beban tugas yang berbentuk bukan akademik yang harus dipikul oleh guru di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di Johor?
- 2) Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh guru untuk menggunakan sumber teknologi pendidikan dalam pengajaran?
- 3) Adakah guru mengamalkan penggunaan sumber teknologi pendidikan untuk pengajaran?
- 4) Adakah terdapat kaitan diantara beban tugas guru dengan penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran?

### 1.6 Hipotesis Kajian

Oleh itu, hipotesis bagi kajian yang dibentuk adalah:

Ho : Tidak terdapat hubungan antara beban tugas guru dengan penggunaan sumber teknologi pendidikan.

Ha : Terdapat hubungan antara beban tugas guru dengan penggunaan sumber teknologi pendidikan.





## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian tentang beban tugas guru di sekolah rendah dan menengah telah banyak dilakukan namun agak sukar mendapati kajian seumpama ini dijalankan terhadap pengaruh beban tugas guru dan hubungannya terhadap kekerapan penggunaan sumber teknologi pendidikan dalam pengajaran yang boleh memberi kesan kepada tahap pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji samaada terdapat pengaruh beban tugas yang guru pikul dengan tahap kekerapan penggunaan sumber teknologi pendidikan. Tambahan, dalam hasrat untuk mengarusperdanakan bidang teknik dan vokasional, kajian ini dilihat dapat memberi kebaikan dan manfaat kepada semua pihak yang memerlukannya.

Di antara kepentingan kajian ini ialah:

- (1) Dapat memberi maklumat dan pengetahuan yang lebih jelas berkaitan beban tugas guru. Maklumat ini diharap dapat membantu mereka demi kebaikan diri dan sekolah.
- (2) Dapat memberi maklumat dan pengetahuan kepada guru-guru serta pihak berwajib mengenai kekerapan penggunaan sumber teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran guru.
- (3) Membolehkan pihak-pihak tertentu memberi bantuan seperti menyediakan pembantu guru.
- (4) Membangunkan perisian yang bersesuaian dengan suasana pengajaran dan pembelajaran.



## 1.8 Skop Kajian

Kajian ini dilakukan terhadap guru-guru di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di Johor iaitu Sekolah Menengah Teknik (Perdagangan) Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik (ERT) Azizah, Johor Bahru dan Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Puteri, Johor Bahru. Mereka dipilih sebagai responden kerana merupakan tenaga pengajar dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana teknologi multimedia dan komunikasi memberi kesan dalam bidang teknik dan vokasional.

## 1.9 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini. Pertama kajian ini terbatas kepada guru-guru yang mengajar di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di Johor Bahru sahaja. Kedua, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada seluruh warga pendidikan dan juga tidak dapat dirumuskan kepada semua guru di Malaysia. Ini kerana beban tugas guru mungkin berbeza mengikut individu, sekolah dan kawasan. Ketiga, hasil dapatan adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden ketika menjawab soalan yang dikemukakan. Sehubungan itu, pengkaji mengandaikan semua maklumat yang diberikan oleh responden adalah tepat. Keesahan dan kebolehpercayaan kajian tersebut juga adalah bersandar kepada andaian ini. Kekangan lain seperti faktor tempoh untuk menjawab soalan yang agak terhad. Disamping itu, aktiviti-aktiviti sekolah sedikit sebanyak membataskan kajian yang dijalankan.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

## 1.10 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, beberapa istilah yang digunakan dengan maksud yang tertentu. Definisi istilah tersebut dihuraikan di bawah:

### 1.10.1 Guru

Guru ialah bermaksud guru yang telah dilantik dan disahkan dalam jawatannya oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Ianya juga merupakan seseorang yang mengajar dan membimbing pelajar-pelajar sekolah berdasarkan tugas-tugas yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru merupakan seseorang yang bertugas mengajar, membimbing dan mendidik murid-murid di institusi pendidikan formal seperti sekolah berdasarkan peruntukan tugas yang diberikan.

### 1.10.2 Beban Tugas

Beban tugas ialah istilah yang merujuk kepada tanggungjawab yang mesti dipikul dan dilakukan oleh para guru sama ada tanggungjawab di dalam bilik darjah atau pun di luar bilik darjah untuk menyelesaikan kerja-kerja sekolah. Beban tugas ini boleh diukur dengan melihat jumlah masa yang diperuntukkan untuk menyelesaikannya. Beban tugas juga bermaksud jumlah penggunaan masa yang digunakan oleh seseorang guru untuk melaksanakan tugas-tugas berbentuk akademik dan bukan akademik samaada dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Beban tugas juga merujuk kepada sesuatu tanggungjawab kerja rasmi yang telah diberikan oleh pihak sekolah dan ianya mesti dilaksanakan oleh seorang guru tersebut sepanjang masa.



PTTA UTM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### 1.10.3 Beban Tugas Akademik

Beban tugas akademik adalah tugas-tugas yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran secara formal samaada di dalam atau di luar bilik darjah. Tugas akademik hanya dilakukan oleh guru-guru yang berkelayakan dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Beban tugas akademik terbahagi kepada tugas akademik rutin harian dan tugas akademik bermusim.

Beban tugas akademik rutin harian dalam kajian merangkumi mengajar mata pelajaran opsyen, mengajar mata pelajaran bukan opsyen, membuat penyediaan Buku Rekod Mengajar (mingguan dan harian), membuat penyediaan Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) sepanjang masa, menyemak dan memeriksa semua Buku Latihan pelajar, membuat penyediaan mengajar (membaca, menulis, melakar dan sebagainya) dan mengganti guru yang tidak hadir (sakit, berkursus dan sebagainya).

Manakala beban tugas akademik bermusim pula meliputi aktiviti penyediaan soalan ujian bulanan, penyediaan soalan peperiksaan penggal atau semester, penyediaan soalan peperiksaan percubaan, penyediaan soalan latihan-tubi, memeriksa kertas jawapan ujian bulanan dan memeriksa kertas jawapan peperiksaan penggal atau semester. memeriksa kertas jawapan peperiksaan percubaan, memeriksa kertas jawapan latihan-tubi, menyemak dan menganalisis pencapaian pelajar, mengajar kelas tambahan, mengajar kelas pemulihan dan menghadiri mesyuarat panitia mata pelajaran.

### 1.10.4 Beban Tugas Bukan Akademik

Tugas bukan akademik merupakan tugas-tugas yang dilakukan oleh guru di sekolah dan tugas ini boleh juga dilakukan oleh mereka yang bukan guru. Tugas bukan akademik adalah tugas yang tidak melibatkan proses pengajaran secara formal. Tugas ini termasuklah tugas-tugas perkeranian, tugas-tugas khas dan tugas kokurikulum. Tugas bukan akademik yang dilakukan secara harian dinamakan tugas bukan akademik rutin

dan tugas bukan akademik yang dilakukan mengikut musim dinamakan tugas bukan akademik bermusim.

Beban tugas bukan akademik rutin terdiri daripada merekod segala butir-butir peribadi dan prestasi di dalam rekod pelajar, mengambil kedatangan pelajar setiap hari, menyedia dan mengisikan borang surat akuan pelajar yang digunakan untuk tujuan mengeluarkan Sijil Berhenti Sekolah, mengemaskini Kad 001M, memberi nasihat, membimbing dan memotivasikan pelajar, memastikan kelas sentiasa berasa dalam keadaan bersih, memastikan kelas sentiasa berasa dalam keadaan ceria, menjalankan tugas sebagai Ketua atau Penasihat Kelab/Persatuan, menjalankan tugas sebagai Ketua atau Penasihat Rumah Sukan, menjalankan tugas sebagai Ketua atau Penasihat Permainan, menjalankan tugas sebagai Ketua atau Penasihat Badan Beruniform atau Pakaian Seragam, menjalankan tugas-tugas perkeranian, menghadiri mesyuarat sekolah dan menjalankan tanggungjawab khas.


Beban tugas bukan akademik bermusim pula merangkumi tugas-tugas berikut penyediaan dan penghasilan kertas soalan ujian bulanan (kerja-kerja menaip, mencetak, menyusun, mengagihkan dan sebagainya), penyediaan dan penghasilan kertas soalan peperiksaan penggal atau semester (kerja-kerja menaip, mencetak, menyusun, mengagihkan dan sebagainya), penyediaan dan penghasilan kertas soalan latihan-tubi (kerja-kerja menaip, mencetak, menyusun, mengagihkan dan sebagainya), merekod markah ujian bulanan ke dalam Buku Rekod Guru, merekod markah peperiksaan penggal atau semester ke dalam Buku Rekod Guru dan merekod markah peperiksaan percubaan PMR, SPM, atau STPM ke dalam Buku Rekod Guru.

### **1.10.5 Sumber Teknologi Pendidikan**

Sumber teknologi pendidikan dalam kajian ini adalah merujuk kepada alat bahan bantu mengajar (ABBM) yang berasaskan teknologi seperti komputer, CD interaktif, cakera padat, LCD (*Liquid Crystal Display*), projektor, video dan televisyen.

### 1.11 Kerangka Konsep Kajian


Beban tugas guru akan dilihat pada para guru. Beban tugas dinilai dari dua sudut iaitu dari segi beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik. Penggunaan sumber teknologi pendidikan diukur pada kekerapan guru menggunakannya dalam pengajaran. Penggunaan Teknologi Pendidikan merupakan pembolehubah bersandar dalam kajian ini. Manakala beban tugas guru pula merupakan pembolehubah tidak bersandar. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian.



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian

## 1.12 Kerangka Teori Kajian

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan teori yang dibangunkan oleh Frederick Herzberg pada tahun 1959 iaitu *Herzberg's Motivation-hygiene theory* atau *Dual-Factor theory*. Teori ini melibatkan dua faktor iaitu '*Hygiene Factors*' dan '*Motivator Factors*'. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka teori yang digunakan.



Rajah 1.2: Kerangka Teori Kajian

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini mengutarakan kajian-kajian lepas yang dijalankan berkaitan dengan peranan guru, beban tugas guru, dan kaitan dengan penggunaan sumber teknologi pendidikan.

#### 2.2 Beban Tugas Guru

Beban tugas didefinisikan sebagai semua aktiviti yang mengambil masa staf dan berkait dengan tugas professional, tanggungjawab dan minat (Yuker, 1984). Menurut Jaafar (2006), beban tugas dalam kajian ini bermaksud seseorang guru yang diberikan tugas-tugas mengajar yang berlebihan, menjalankan tugas-tugas perkeranian seperti menulis, merekod atas mengisi pelbagai borang, kad dan buku rekod tentang murid. Terlalu banyak memegang jawatan, terlibat dengan aktiviti kokurikulum dan akademik, masalah disiplin murid serta gangguan daripada murid serta gangguan daripada pihak luar seperti syarikat-syarikat jualan langsung dan agen-agen insurans.



Sejak kebelakangan ini, isu berkaitan dengan peranan dan beban tugas guru sudah mula dibincangkan dan diambil perhatian oleh pihak kerajaan memandangkan terdapat rungutan yang datang daripada pihak guru. Menurut Salleh (1998), para guru pada hari ini bukan sahaja berperanan sebagai pengembang ilmu pengetahuan dan pelatih kemahiran bahkan juga agen perubahan sosial. Di sekolah guru bukan sahaja ditugaskan mengajar mengikut kelayakan profesionalnya malah mereka telah dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas lain seperti perkeranian, menguruskan kelab komputer, menguruskan perpustakaan dan sebagainya. Hal ini diperakui oleh Kementerian Pelajaran seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji tentang pelaksanaan Dasar Pelajaran Malaysia 1979 iaitu kekurangan kerani menyebabkan guru-guru terpaksa menjalankan tugas-tugas bukan ikhtisas dan ini menyebabkan prestasi mereka dalam tugas ikhtisas terjejas (Salleh, 1998).

Tambahan, kajian dari Ingvarson, Kleinhenz, Beavis, Barwick, Carthy dan Wilkinson (2005), menyatakan secara purata guru menghabiskan 22 jam untuk mengajar di dalam kelas, 5 jam untuk tugas lain seperti kerja berkumpulan dan duti meter, 2 jam untuk mesyuarat. Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang diperuntukkan oleh guru ialah 29 jam untuk aktiviti yang berjadual. Tambahan lagi, dari kajian Ingvarson dan rakan (2005) menyatakan guru didapati meluangkan masa yang lebih kepada pengurusan dan pembangunan kurikulum yang menyebabkan kualiti pengajaran dalam kelas dan penyediaan pengajaran terjejas. Selain aktiviti kokurikulum juga terjejas kerana kekurangan masa yang diperuntukan.

Sulaiman (2003), juga menyatakan bahawa tugas guru masa kini tidak setakat mengajar sahaja malah meliputi aspek pengurusan misalnya mengendalikan rekod pelajar, pengutipan yuran, skim pinjaman buku teks, kedatangan pelajar dan laporan prestasi pelajar. Disamping itu, guru juga mempunyai tugas sebagai guru panitia mata pelajaran masing-masing untuk menyebarkan dan memantau pelaksanaan kurikulum dan sukatan pelajaran. Selain itu, guru juga terlibat dalam melaksanakan kokurikulum sekolah, menghadiri kursus, menjalankan penyelidikan dan lain-lain lagi. Semua tugas yang banyak ini memaksa guru menumpukan perhatian, masa dan tenaga kepada pelbagai jenis komitmen yang boleh menjejaskan pengajaran serta peningkatan profesionalisme.

Dalam laporan lain mengenai pengurangan beban tugas guru oleh Atkins, Carter, dan Nichol (2002) ada menyatakan bahawa secara keseluruhannya guru seolah-olah menjadi berbelah bahagi mengenai sokongan pentadbiran. Ini kerana sokongan pentadbiran sepatutnya dilakukan oleh staf sokongan yang akan memberi kebaikan kepada kualiti pembelajaran di sekolah selain mengurangkan beban tugas seorang guru tersebut. Ini kerana guru telah mempunyai tugas hakiki dengan jam pertemuan yang telah ditetapkan, menanda dan menyediakan rancangan pengajaran serta kertas peperiksaan.

Tambahan dari itu, menurut Tugimin (2009) isu bebanan tugas guru menjadi fokus utama berikutan hasil kajian Kementerian Pelajaran Malaysia baru-baru ini mendapati guru di Selangor, Melaka, Johor dan Kuala Lumpur menanggung beban berlebihan iaitu bekerja 74 jam seminggu berbanding 48 jam yang dihadkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Berdasarkan cadangan resolusi tersebut Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membuat beberapa buah kajian berkaitan. KPM akan mengkaji dan memperbaiki melalui strategi mengembalikan semula tugas hakiki guru iaitu mengajar dan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid di dalam kelas tanpa terlalu memberi tumpuan berlebihan kepada tugas bukan hakiki.

Peranan seorang guru dalam membentuk diri pelajar amatlah besar pengaruhnya berbanding ibu bapa kerana kebanyakan masa murid dihabiskan di sekolah iaitu dari tempoh tadika sehingga ke sekolah menengah. Guru memberi pendidikan yang formal kepada murid-murid manakala ibu bapa memberi pendidikan yang tidak formal kepada anak-anak mereka (Hamdan, Sihes, Ramli dan Hamzah, 2007). Kenyataan ini ada persamaannya dari Rahman (1998), di mana beliau menyatakan seseorang guru sebenarnya mempunyai dua tugas yang penting. Tugas pertama ialah sebagai ahli profession perguruan yang memberi pendidikan formal kepada pelajar-pelajar dibangku sekolah, tetapi sebagai seorang ahli masyarakat dia mempunyai tugas yang kedua iaitu tugas kemasyarakatannya. Selain itu, Jaafar (2006) menyatakan terdapat tujuh aspek ringkasan tugas guru melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11/2007 iaitu pengajaran dan pembelajaran (kurikulum), kokurikulum (sukan/ kelab/ persatuan/ badan beruniform), pengurusan hal ehwal murid (keselamatan/ kebajikan/ kesihatan/ bina insan/ sistem maklumat murid/ koperasi lawatan).



Profession perguruan adalah salah satu profession yang mencabar dan amat mendesak. Guru diharapkan mengetahui serba serbi tingkah laku manusia dan memainkan pelbagai peranan untuk menjadikan dirinya sebagai seorang pendidik yang berkesan. Seperti dalam kajian Hamdan *et al* (2007), guru dikehendaki memainkan peranan sebagai penuntut kepada motivasi yang mengetahui kajian-kajian tentang motivasi dari segi falsafah, psikologi, biologi dan sosiologi iaitu mengetahui sifat-sifat semulajadi manusia dari segi psikologi, sosiometri, konsep kemahuan dan konsep diri. Kedua guru berperanan sebagai penggalak kepada pembelajaran di mana mengetahui teori penyekutuan dan teori bidang dengan mengetahui penentu-penentu sosial dan perseorangan. Ketiga, guru adalah sebagai pemerhati pertumbuhan pelajar di mana mengetahui pertumbuhan dan pembangunan manusia serta memahami pelajar-pelajar dalam situasi bilik darjah. Keempat, guru sebagai tukang seni dan teknik dimana kebolehan sebagai tukang seni dalam pengajaran di mana berkebolehan dalam melakukan ujian kecerdasan, berkebolehan menilai personaliti dan menyimpan rekod dan berkebolehan dalam melakukan pemerhatian diri dan kumpulan. Akhir sekali, guru sebagai ahli eksperimen, di mana guru mengetahui hasil-hasil penyelidikan dengan melakukan ujikaji dengan mencuba sesuatu inovasi dalam pengajaran. Begitulah besarnya tanggungjawab dan peranan sebagai seorang guru disamping telah terbeban dengan tugas-tugas akademik yang sedia ada.

Guru menjadi cabaran yang begitu besar dalam bidang keguruan. Seorang guru harus mampu menguasai segala ketrampilan keguruan dan kependidikan, di samping menguasai sepenuhnya mata pelajaran yang diajarkan di sekolah mahu pun di institusi pengajian tinggi. Penguasaan pelbagai ketrampilan serta kependidikan sangat membantu kelancaran dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru. Begitu juga dengan kemampuan menggunakan teknologi media di dalam pengajaran. Seorang guru sekurang-kurangnya memiliki ketrampilan berkomunikasi, psikologi pendidikan serta penguasaan pelbagai teknologi yang digunakan dalam pengajaran. Pada hakikatnya tugas mendidik bukanlah suatu tugas yang mudah, mendidik bukan sekadar datang ke kelas untuk menerang dan memberikan latihan kepada pelajar. Seorang guru yang berjaya menjalankan tugasnya sebagai pendidik ialah apabila dia mampu menarik minat pelajar untuk mengetahui apa yang disampaikan. Seterusnya para pelajar memperolehi ilmu



pengetahuan untuk diri mereka iaitu berdasarkan pada perubahan prestasi akademik dan akhlak (Gindan, 2001).

Menurut Gindan (2001) lagi, selain daripada menjalankan tugas di dalam bilik darjah, guru diharapkan dapat memainkan peranan lain sebagai pemimpin dan penggerak dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Oleh kerana besarnya harapan rakyat kepada para guru, kerap kali menimbulkan beban yang berat kepada guru-guru sendiri sehingga mereka tidak dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna pada mana-mana bidang. Keadaan ini sedikit sebanyak menimbulkan pandangan yang negatif ke atas profession perguruan. Menurut Tugimin (2009), setiap guru mempunyai beban tugas yang melibatkan kurikulum, kokurikulum, pembentukan sahsiah murid dan tugas-tugas perkeranian. Beban tugas didefinisikan sebagai aktiviti-aktiviti yang memenuhi masa guru-guru dan bersangkutan dengan tugas professional, tanggungjawab dan minat. Beban tugas dalam bidang akademik meliputi sumbangan guru dalam melaksanakan pelbagai tugas secara keseluruhan kepada sekolah dan bukan hanya sekadar beban mengajar sahaja seperti menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di bilik darjah.

Menurut Ambotang dan Hashim (2006) dalam kajian mereka menyatakan di kebanyakan negara di dunia ini, didapati profession perguruan merupakan salah satu pekerjaan yang memberi ketegangan yang banyak. Kajian mendapati individu-individu yang berkhidmat di dalam perkhidmatan ini adalah lebih terdedah kepada ketegangan berbanding pekerja-pekerja dalam pekerjaan berorientasikan pengeluaran produk. Pekerjaan sebagai guru sentiasa berhadapan dengan berbagai cabaran, merasai pelbagai pengalaman pahit manis, kegembiraan dan juga kekecewaan. Anggapan masyarakat bahawa tugas guru bekerja selama lima hari adalah menyeronokkan dan mendapat cuti yang banyak adalah tidak tepat. Tugas guru amat berat kerana ia merangkumi tugas pengajaran dan juga tugas bukan pengajaran. Tugas pengajaran memerlukan guru berusaha menghabiskan sukatan pelajaran selain banyak lagi tugas-tugas khas lain yang terpaksa dibuat. Hal ini dipersetujui oleh Ahmad (2010), kebanyakan guru dibebankan dengan tugas yang tidak berbentuk akademik atau mengajar terlalu banyak subjek yang berbeza sehingga mempengaruhi sikap, kemahiran dan komitmen guru terhadap penggunaan alat teknologi pendidikan.



Di samping itu juga mereka juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum, menghadiri mesyuarat, memeriksa buku latihan dan membuat persediaan mengajar. Guru juga terpaksa berdepan dengan nazir, pengetua dan pegawai pendidikan daerah yang kerap mengadakan lawatan dan menyelia kerja guru. Ini semua menyebabkan guru tertekan. Selain daripada itu, setiap kali terdapat perubahan dalam kurikulum sekolah, maka setiap kali itulah juga kewibawaan guru tercabar (Kamaruddin, 2007).

Keadaan ini mengakibatkan ramai guru mengalami tekanan emosi selain memberi kesan kepada mutu dan kualiti pengajaran guru tersebut. Guru terpaksa berhadapan dengan perubahan demi perubahan dalam bidang pendidikan sehingga wujud beban yang keterlaluan. Contohnya, apabila terdapat pegawai baru di Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri atau di peringkat kementerian, maka banyaklah idea dan tugas baru yang harus dipikul oleh guru (Sahhari, 2006). Tambahan, Galton dan MacBeath (2008) menyatakan kajian di Nova Scotia, New Brunswick, Prince Edward Island, Newfoundland dan Labrador di Kanada, mendapati guru membuat aduan mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyediakan rancangan pengajaran, saiz kelas yang terlalu besar, kerja-kerja tambahan menanda kertas peperiksaan bertambah, beban tugas yang bertambah kerana bertambahnya masalah disiplin, kerja-kerja perkeranian yang banyak dan perjumpaan bersama ibu bapa. Disamping itu, rungutan mengenai kekurangan masa untuk perancangan juga menjadi isu penting selain saiz kelas yang besar, kerja-kerja yang tidak sepatutnya dan terlalu banyak program baru dan aktiviti kokurikulum.

Menurut Jaafar (2006), tugas dan tanggungjawab guru bukan setakat mengajar sahaja. Guru diwajibkan berada di kawasan sekolah sekurang-kurangnya lima minit sebelum sekolah bermula. Walaubagaimanapun, guru yang bertugas harian wajib berada di sekolah 45 minit sebelum kelas bermula. Disamping itu, guru juga perlu menandatangani buku kehadiran, bertindak sebagai guru akademik di mana perlu menulis buku persediaan mengajar harian tanpa alasan, memberi kerja rumah kepada pelajar, bertugas sebagai guru ganti kepada guru lain yang mempunyai masalah kecemasan, guru juga perlu memastikan kebersihan sekolah termasuklah bilik guru, tandas, bilik darjah, padang, kantin, surau dan sebagainya. Selain itu, keselamatan perabot juga harus dipelihara agar keselamatan murid terjamin dan melaporkan kerosakan perabot sekolah



kepada pengetua sekolah. Mengutip wang kelab, persatuan dan sebagainya juga menjadi tugas seorang guru, menganjurkan lawatan sambil belajar dan menjemput penceramah. Guru juga bertindak sebagai guru panitia kurikulum, guru kelas, guru penyelaras kokurikulum, guru setiausaha sukan, guru permainan, guru rumah sukan, guru penasihat kelab atau persatuan, guru penasihat unit beruniform, guru kanan mata pelajaran, guru mata pelajaran, guru darjah, guru bertugas mingguan, guru pusat sumber, guru biasiswa atau kebajikan, guru disiplin, guru kaunseling, guru buku teks (SPBT) dan guru setiausaha peperiksaan. Begitulah banyaknya tugas sampingan seorang guru selain mengajar di dalam kelas. Ini menjadikan beban tugas guru bertambah pada para guru keseluruhannya.

Selain dari kenyataan oleh Kamaruddin (2007), bahawa pengagihan tugas yang tidak saksama dan seimbang dalam kalangan guru juga telah menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan guru.

### 2.3 Penggunaan Sumber Teknologi Pendidikan

Penggunaan komputer dan multimedia pada masa kini menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia generasi sekarang. Perjalanan tugas seharian menjadi semakin mudah dengan bantuan teknologi multimedia dan komunikasi dan secara tidak sedar kita semakin bergantung kepadanya. Dalam bidang pendidikan pula, penggunaan multimedia terutamanya komputer telah meresap di setiap bilik darjah, (Md Yunos *et al*, 2004). Kementerian Pelajaran Malaysia bertanggungjawab untuk membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di seluruh negara. Ini selaras dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk mencapai pendidikan bertaraf kelas pertama pada tahun 2015. Dalam konteks ini, Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) dan rangkaian yang bertanggungjawab untuk melaksanakan program sokongan pendidikan, terutamanya untuk membudayakan penggunaan dan pengintegrasian teknologi pendidikan dalam kalangan guru dan pelajar bagi mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, (Hamzah, 2009).



Suasana pendidikan di negara kita telah banyak mengalami arus perubahan. Ia sejajar dengan perubahan arus kepimpinan yang menerajui Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelbagai idea telah diketengahkan antaranya mewujudkan sekolah bestari, guru bestari, sekolah wawasan dan pengenalan mata pelajaran sains kepada murid-murid tahun satu di sekolah rendah. Pendekatan pedagogi guru juga diharap akan berubah, begitu juga dengan pengajaran dan pembelajaran (P&P) perlu berubah selaras dengan kehendak falsafah pendidikan negara. Perubahan kandungan sukatan mata pelajaran sahaja tanpa sebarang perubahan terhadap cara pengajaran dan pembelajaran tidak akan dapat mencapai matlamat pendidikan yang diharapkan (Gindan, 2001).

Di Malaysia sememangnya perkembangan teknologi maklumat telah mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan. Kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi dalam konteks masyarakat semakin meningkat sejajar dengan perubahan dimensi dan inovasi dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Hal ini memberi petunjuk bahawa Malaysia bersedia menuju ke arah negara maju yang membangun menjelang tahun 2020. Ahmad dan Tamuri (2010) ada menyatakan bahawa tamadun manusia semakin berkembang mendorong penggunaan teknologi moden dalam sistem pendidikan menjadikan usaha meringkas dan mempermudah bahan bantu mengajar (BBM) amat perlu supaya kanak-kanak yang baru memasuki alam persekolahan mudah memahami pengajaran guru. Tambahan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berasaskan teknologi pendidikan boleh dipraktik bagi meningkatkan keberkesanan P&P guru, disamping minat dan tumpuan pelajar dapat ditarik menerusi perancangan yang rapi. Selain itu, persaingan masyarakat dunia lebih hebat dalam abad ke-21 dan perubahan ke arah masyarakat bermaklumat menimbulkan cabaran baru kepada institusi pendidikan. Untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 dan mewujudkan masyarakat bermaklumat, maka inisiatif untuk mengintegrasikan penggunaan ICT dan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah perlu (Rusmini, 2003). Kenyataan ini dipersetujui oleh Ingvarson *et al* (2005) iaitu lebih 90% orang guru yang dikaji dalam kajian mereka mendapati peningkatan dalam kemahiran ICT memberi impak yang positif dalam pengurusan dan menolong mengurangkan stress beban tugas mereka.

Gindan (2001) juga menyatakan bahawa bahan media adalah pembaharuan dalam pendidikan yang terkini bagi sekolah rendah, menengah dan peringkat yang lebih tinggi.



Penggunaan bahan media dalam pengajaran adalah penting kerana ia dapat memberikan suasana pengajaran yang menarik, sesuai bagi pelajar yang mempunyai keupayaan pembelajaran yang berbeza-beza dan pelajar berupaya membuat kerjanya sendiri. Penggunaan bahan media ini diharapkan berupaya merealisasikan harapan yang dinyatakan disamping menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan berjaya. Hasrat ini selaras dengan falsafah Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (1987) yang menekankan bahawa penggunaan pelbagai jenis media secara terancang boleh mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran. Disamping itu, penggunaan pelbagai jenis media juga memberi peluang kepada setiap pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih menarik dan berkesan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

Selain daripada itu, terdapat kajian mendapati bahawa walaupun pihak kerajaan telah memberi dorongan yang kuat di samping sambutan oleh pihak swasta terhadap program komputer dan ICT, namun tidak terdapat bukti yang menunjukkan penerimaan yang kuat dari kalangan guru-guru sendiri. Oleh yang demikian, terdapat keperluan yang amat tinggi untuk menilai status penerimaan guru-guru terhadap teknologi komputer di dalam pengajaran dan pembelajaran (Abd Aziz, 2008). Sikap guru terhadap penerimaan penggunaan komputer dan ICT mempengaruhi motivasi seseorang untuk mempelajari sesuatu. Dalam kenyataan oleh Menteri Pelajaran, Tan Sri Musa Muhammad mengingatkan para guru bahawa kerajaan telah berbelanja besar dalam menyediakan infrastruktur teknologi di sekolah dan para guru hendaklah menggunakan teknologi yang disediakan oleh kerajaan untuk menghasilkan lebih ramai pelajar yang cemerlang (Aziz, 2008).

Tambahan, menurut Sylvester (2001) bahan media adalah pembaharuan dalam pendidikan yang terkini bagi sekolah rendah, menengah dan peringkat yang lebih tinggi. Penggunaan bahan media dalam pengajaran adalah penting kerana ia dapat memberikan pengajaran yang menarik, sesuai bagi pelajar yang mempunyai keupayaan pembelajaran yang berbeza-beza dan pelajar berupaya membuat kerjanya sendiri. Selain daripada itu, Sylvester (2001) juga memberitahu bahawa faktor yang mempengaruhi amalan penggunaan media elektronik dan bahan bantu mengajar ialah kemudahan peralatan dan





bahan pembelajaran di sekolah seperti radio kaset, projektor lutsinar, televisyen, perakam video dan komputer ada di sekolah menengah tetapi bilangannya tidak mencukupi untuk kegunaan guru. Selain itu, kesedaran guru terhadap kewujudan peralatan dan bahan pembelajaran di sekolah juga mempengaruhi amalan penggunaan sumber teknologi pendidikan. Ini kerana terdapat sebahagian guru yang 'tidak tahu' akan kuantiti sebenar peralatan dan perisian yang terdapat disekolah. Kajian juga mendapati kekerapan penggunaan ABBM dalam kalangan guru adalah rendah kerana kebanyakan mereka lebih gemar menggunakan bahan kos rendah atau berbentuk bukan elektronik yang mudah disediakan dan diperolehi.

Abu dan Hoon (2005) menyatakan teknologi maklumat dan komputer banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat kini. Munculnya teknologi komputer dan alat-alat komunikasi moden ini dapat membantu manusia untuk mengumpul, memproses dan mengendalikan maklumat secara mudah dan bersistematik. Selain menjadi alat memproses maklumat, komputer juga boleh dijadikan alat pembelajaran yang berkesan.

Dalam bidang pendidikan, komputer membantu memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran. Di Malaysia penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran mendapat perhatian yang serius dari pelbagai pihak dengan kemunculan projek Multi Media Super Corridor (MSC). Selain penggunaan bahan media diharap dapat merealisasikan harapan di samping menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan berjaya seperti yang dinyatakan dalam falsafah Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1987).

Projek sekolah bestari ini dirintis pada tahun 1999 hingga 2002 di 88 buah sekolah yang mana 82 buah adalah sekolah sedia ada dan enam buah dibina baru iaitu SMK Putrajaya 1, SK Putrajaya 1, SK Putrajaya 2, SMK Seri Bintang Utara, SK Seri Bintang Utara dan SK Seri Bintang Selatan. Sekolah-sekolah ini dilengkapi kemudahan ICT termasuk 5,809 komputer dan 261 pelayan. Komputer digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Sistem Pengurusan Sekolah Bestari digunakan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan serta menyokong pengajaran dan pembelajaran. Untuk menjayakan hasrat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah membelanjakan wang yang banyak untuk menubuhkan Makmal Pengkomputeran di sekolah. Projek ini menyediakan makmal

komputer dan membekalkan komputer serta pelayan kepada sekolah. Sehingga tahun 2005, sebanyak 5,037 sekolah telah disediakan makmal komputer dan dibekalkan 133,000 komputer dan 4,700 pelayar. (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010).

Guru-guru di sekolah juga perlu selalu peka dan celik kepada pengguna komputer supaya tidak ketinggalan zaman kerana Kementerian Pelajaran Malaysia telah merancang memperkenalkan mata pelajaran *Information and Communication Technology*, Grafik Berkomputer, Produksi Multimedia, *Fundamentals of Programming, Program and Development Tools*, Pemesinan Berkomputer, Aplikasi Komputer dalam Perniagaan, Animasi dan Rekabentuk Penerbitan, Penerbitan Multimedia Kreatif, Sistem Sokongan Komputer, Sistem Sokongan Rangkaian dan Program Literasi ICT bagi memperluas literasi komputer, pengajaran dan pembelajaran berbantu komputer dan memupuk insan celik teknologi, budaya kreatif dan inovatif di sekolah (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010).

Memandangkan bidang komputer semakin penting kepada pelajar untuk persediaan menghadapi zaman sains dan teknologi yang berorientasikan penggunaan komputer, guru perlu selalu peka dan celik menggunakan komputer dan selalu memajukan diri dalam bidang komputer dari masa ke masa. Ini adalah bertujuan supaya suatu hari nanti kemudahan komputer diperkenalkan sepenuhnya di sekolah-sekolah, ia tidak menjadi satu kejutan atau bebanan kepada mereka. Penggunaan bahan media elektronik di dalam pengajaran mempunyai kebaikan dan keburukannya. Kebaikannya ia boleh mengurangkan kos pengajaran, menambahkan bilangan pelajar berkemampuan dan menyediakan pengajaran di mana ia diperlukan, kos yang efektif, fleksibiliti, masa yang efektif, mantap dan berupaya (Sylvester, 2001).

Walaupun bagaimanapun, menurut Laporan Jemaah Nazir Sekolah, 1984; 24 dalam laporan kajian Sylvester (2001) penggunaan sumber-sumber pendidikan oleh murid-murid dan guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran adalah pada kadar yang rendah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kekurangan kemudahan fizikal, kekurangan koleksi sumber-sumber pendidikan, kekurangan tenaga manusia yang terlatih, kelemahan dalam pengurusan pusat sumber sekolah, sikap dan minat guru yang tidak menggalakkan serta kurang bimbingan dan penyeliaan oleh pihak sekolah. Kenyataan ini mempunyai



## RUJUKAN

- Abdul, M. N. G. (2000). *Penyelidikan Pendidikan*, Edisi Pertama. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, C. A. dan Ali, H. *Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu, B. dan Hoon, L. L. (2005). *Tahap pengetahuan dan penggunaan computer dalam kalangan guru-guru di tiga buah sekolah menengah teknik di Kuala Lumpur*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad A. S. dan Muhamad, M. H. H. (2006) *Hubungan kerja dan stress dalam pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru prasekolah*. Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ahmad, A., Abdullah, A. G., Ahmad, M. Z. dan Abd. Aziz, A. R. (2005). *Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)*. Jurnal Pendidikan. Vol.7, muka surat 15-24.
- Ahmad, S. F. dan Tamuri, A. H. (2010). *Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF*. Journal of Islamic and Arabic Education. Vol. 2. No. 2. Muka surat 53-64.
- Ahmad, R. dan Kosnin, A. (2006). *Hubungan antara stress kerja dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru besar di daerah Batu Pahat*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Ahmad, N. (2003). *Pembangunan dan penilaian bahan pengajaran berbantu komputer bagi mata pelajaran Pemasaran 1: Tinjauan di Politeknik*.
- Ambotang, A. S. dan Mohd Hashim, M. H. *Hubungan Iklim Kerja dan Stress dalam Pengurusan Bilik Darjah dalam Kalangan Guru Prasekolah*. Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Atkins, J., Carter, D. dan Nichol, M. (2002). *Reducing Teachers' Workload – A Way Forward*.
- Azizi, Y. dan Chinnapan, G. *Faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Aziz, M. dan Abu, B. (2007). *Stress dalam kalangan guru di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Di kawasan Skudai*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aziz, N. A., dan Nordin, S. K. *Penerimaan Guru Pelatih Terhadap Penggunaan PPBK: Kajian Kes Terhadap Guru Pelatih, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia* Fakulti Pendidikan,Universiti Teknologi Malaysia.
- Aziz, N. K. dan Zanzali, N. M. A. (2008). *Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik di kalangan guru-guru pelatih UTM*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aziz, S. F. A. (2008). *Tahap penggunaan teknologi maklumat sebagai pemudah komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kalangan pensyarah politeknik*. Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Ijazah Sarjana.
- Baba, M. Y. (2009). *Pengaruh beban tugas dan faktor keluarga terhadap stress dalam kalangan guru sekolah kebangsaan daerah Alor Gajah*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

Baharin, A. dan Hoon, L. L. *Tahap Pengetahuan Dan Penggunaan Komputer Dalam Kalangan Guru-Guru Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Kuala Lumpur*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Cronbach, L. J. (1951). *Coefficient alpha and the internal structure of tests*. *Psychometrika*. 16, 297-334.

Ferguson, K., Frost, L. dan Hall, D. (2012). *Predicting Teacher Anxiety, Depression, and Job Satisfaction*. *Journal of Teaching and Learning*. Vol. 8, No.1, page 27-42.

Galton, U. dan MacBeath, J. (2008). *Teachers under pressure*. SAGE Publications Ltd: London.

Gindan, S. (2001). *Kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahan media elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran di KUITTHO*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

Gliem, J. R. dan Gliem R. R. (2003). *Calculating, Interpreting and Reporting Cronbach's Alpha Reliability Coefficient for Likert Type Scale*. Columbus: The Ohio State University.

Harun, N. (2001). *Cabaran penggunaan teknologi maklumat di kalangan pensyarah: satu kajian kes di KUITTHO*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

Hamdan, A. R., Sihes, A. J., Ramli, J. dan Ismail, M. *Tahap, minat, pengetahuan dan kemahiran, latihan guru dan beban tugas guru program pemulihan khas sekolah kebangsaan daerah Pontian, Johor*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Hamdan, A. R., Sihes A. J., Ramli, J. dan Hamzah, R. (2007). *Persepsi guru terhadap profession perguruan masa kini*. Fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Ingvarson, L., Kleinhenz, E., Beavis, A., Barwick, H., Carthy, I. dan Wilkinson, J. (2005). *Secondary Teacher Workload Study Report*.

- Jamaludin Badusah, Muhammad Hussin & Abd. Rashud Johar. (2000). *Inovasi dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Percetakan Warni Sdn. Bhd.
- Kamaruzaman, K. (2007). *Tekanan kerja di kalangan guru sekolah menengah*. Jurnal Kemanusiaan. Bil. 10. Muka surat 106-118.
- Kamisan, S. N. (2008). *Halangan terhadap penggunaan komputer dan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kalangan guru di sekolah menengah kebangsaan luar bandar di daerah KulaiJaya, Johor*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Ijazah Sarjana Muda.
- Krejcie, R. V. dan Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research. Educational and Psychological Measurement*.
- Lynda, J. Y. (2005). *High School Teachers' Perceptions Of Their Working Environment in Newfoundland: A Grounded Theory Study*. The Faculty of Medicine, Memorial University of Newfoundland: Doctor of Philosophy.
- Landell, K. (1997). *Management by Menu*. London: Wiley and Son Inc.
- Md Yunos, J., Yamin, S., Baharum, Muhammad, B., Esa, Ahmad, Yasak, Z., dan Mohamad Yusof, A. (2004). *Peranan multimedia dan guru dalam pengajaran Sains, Matematik dan Teknikal dalam Bahasa Inggeris*. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Mazlan, A., Faizah, A. G., dan Syed Mohamed Shafeq, S. M. *Model mengesan dan mengawal stress kehidupan guru di Malaysia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fitri, S. (2006). *Tahap beban tugas guru sekolah menengah di daerah Skudai: Kajian kes*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana.
- Mohd, G. H. S. dan Saifuddin Kumar, A. (2009). *Modal prestasi kerja dalam kalangan penjawat awam teknologi pendidikan: Satu Penerokaan Analitik*.



Muhammad, N. (2007). *Hubungan antara beban tugas dengan keresahan guru Sekolah Menengah Teknik di Johor*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Rahman, M. S. A. (1998). *Beban tugas dikalangan guru sekolah menengah*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan).

Salleh, M. S. (1998). *Beban tugas di kalangan guru sekolah rendah*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan).

Ngatimin, S. (2008). *Penggunaan makmal computer dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Zon Jementah, daerah Segamat dalam pengajaran dan pembelajaran: Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana.

Omar, N. S. (2009). *Kesediaan guru mengaplikasikan teknologi maklumat dan komunikasi dalam membangunkan alat bahan bantu mengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Rancangan Malaysia Ke-9. 2006-2010.

Piaw, C. Y. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan (Buku 3): Analisis data skala ordinal dan skala nominal*. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Piaw, C. Y. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan (Buku 1)*. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. Ms 258-289.

Rahman, H. A. (2003). *Penggunaan pembelajaran berbantuan komputer mata pelajaran asas perakaunan (H1002) bagi pelajar sijil dan diploma hotel dan catering di politeknik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

Rahman, M. S. A. (1998). *Beban tugas di kalangan guru sekolah menengah*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.

- Raja Ali, R. D. (2011). *Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja (stress) di kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Pasir Puteh*. Fakulti Pendidikan dan Bahasa, Open University Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan.
- Rashid, N. N. (2004). *Pembinaan perisian pembelajaran berbantuan komputer (PBK) Pendidikan Islam KBSR Tahun 6*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Ijazah Sarjana Muda.
- Sidin, R. dan Mohamad, N. S. (2007). *ICT dalam pendidikan: prospek dan cabaran dalam pembaharuan pedagogi*. Jurnal pendidikan, Vol. 32, muka surat 132- 152.
- Salleh, M. S. (1998). *Beban tugas di kalangan guru sekolah rendah*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.
- Sani, N.(2008). *Penggunaan makmal komputer dalam kalangan guru-guru sekolah kebangsaan zon Jementah, daerah Segamat dalam pengajaran dan pembelajaran: Satu tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia: Ijazah Sarjana Muda.
- Sahhari, M. F. (2006). *Tahap beban tugas guru Sekolah Menengah di daerah Skudai: Kajian kes*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sidin, R. dan Mohamad, N. S. (2007). *ICT dalam pendidikan: Prospek dan cabaran dalam pembaharuan pedagogi*. Jurnal Pendidikan. Bil. 32, muka surat 139-152.
- Jaafar, T. M. F. T. (2006). *Kerjaya sebagai Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Tugimin, A. J., Saadan, R., Yusof, M. N. dan Hasan, H. (2009). *Perkaitan persepsi terhadap organisasi dengan kepuasan kerja dalam kalangan guru penolong kanan sekolah menengah negeri Melaka*. Journal of Human Capital Development. Vol. 2, No. 1.
- Yockey, R. D. (2008). *SPSS demystified: A step-by-step guide to successful data analysis*. New Jersey: Prentice Hall.



Yuker, H. E. (1984). *Faculty Workload: research, teory and interpretation. (ASHRERIC Higher Education Report No. 10)* Washington, D.C.: Association for study of Higher Education.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH